

30

Penggunaan Rutin Berfikir Lampu Merah Lampu Kuning dalam Pengajaran Kata Adjektif

Ruhaidah Rahmat

ruhaidah_rahmat@moe.edu.sg

Fauziah Muhamad Fadzillah


fauziah_muhd_fadzillah@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fengshan

Abstrak

Dalam pembelajaran bahasa Melayu, kata adjektif merupakan salah satu golongan kata yang diajarkan kepada murid-murid. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning (LMLK) untuk membantu murid mengenal pasti tiga jenis kata adjektif berbentuk sifat, warna dan perasaan. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang murid Darjah 4 kelas Bahasa Melayu yang merangkumi pelbagai tahap keupayaan. Dapatan kajian menunjukkan 95% murid memahami rutin berfikir LMLK dengan baik, 86.6% murid dapat mengenal pasti kata adjektif yang terdapat dalam ayat dan 95% murid dapat memberikan contoh-contoh kata adjektif. Dapatan ini menunjukkan rutin berfikir membantu murid untuk lebih kritikal semasa mengenal pasti kata adjektif yang tepat dalam ayat.

Kata Kunci: kata adjektif, rutin berfikir, golongan kata, sistematik



PENGENALAN


Menurut Tata Bahasa Dewan Edisi ketiga (2011), kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat, iaitu perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Kata adjektif dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja dengan cirinya yang didahului atau diikuti oleh kata penguat. Kata adjektif dalam ayat berfungsi menerangkan keadaan atau sifat bagi sesuatu kata nama atau frasa nama. Kata adjektif dapat dibahagikan kepada sembilan jenis, iaitu kata adjektif sifat, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan dan pancaindera.

Untuk mengajar murid jenis-jenis kata adjektif, guru harus memberikan banyak contoh sebelum menjelaskan jenis dan fungsinya. Berdasarkan sampel data yang dikumpulkan, kebanyakan murid menghadapi masalah membezakan jenis-jenis kata adjektif yang tepat penggunaannya. Oleh itu, rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning (LMLK) dalam Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*) diterapkan dalam pengajaran bagi membantu murid untuk berfikir dengan lebih kritikal dan sistematik. Rutin berfikir LMLK telah digunakan dalam kajian ini untuk membantu murid mengenal pasti penggunaan kata adjektif dalam ayat.

PERNYATAAN MASALAH

Kata adjektif merupakan salah satu jenis golongan kata yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kata adjektif diajar agar murid-murid dapat membina ayat yang lebih baik kerana kata adjektif memberi sifat kepada sesuatu benda, orang dan perkara. Namun, guru sering mendapati murid-murid tidak berupaya menggunakan kata adjektif yang tepat dalam ayat. Hal ini berlaku kerana murid-murid tidak melihat frasa nama dalam ayat dengan teliti lantas hanya menambah kata adjektif yang mereka ketahui.

Oleh itu, satu usaha telah dilakukan untuk menggunakan rutin berfikir LMLK dalam pengajaran kata adjektif. Selain itu, rutin berfikir LMLK ialah satu amalan yang dapat membina kemahiran berfikir murid. Penggunaan rutin berfikir LMLK diharapkan dapat membina kemahiran berfikir murid dengan lebih sistematik.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan murid untuk mengenal pasti penggunaan kata adjektif yang tepat dalam ayat;
2. menilai keberkesanan penggunaan rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning dalam pengajaran kata adjektif; dan
3. mewujudkan budaya berfikir dalam kelas.


KAJIAN LEPAS

Pada tahun 2005, Ron Ritchhart dan David Perkins telah mempelopori *Project Zero* yang mengetengahkan Menjadikan Pemikiran Jelas atau *Making Thinking Visible* (MTV). Kajian yang dipelopori oleh mereka menggunakan rutin-rutin berfikir untuk membantu proses pemikiran murid dan menggalakkan murid untuk menyatakan pemikiran mereka secara nyata dan jelas. Kajian yang dijalankan oleh mereka ini menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran guru. Daripada hasil data yang terkumpul menunjukkan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini berupaya melibatkan diri secara aktif di dalam kelas dan berfikir secara jelas dan berstruktur.

Terdapat beberapa buah sekolah di Singapura yang telah menggunakan rutin berfikir ini dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah mereka. Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh sekolah-sekolah ini amat memberangsangkan dan ternyata berupaya melahirkan murid-murid yang mempunyai daya pemikiran yang jelas dan kritikal.

Antara sekolah-sekolah yang telah menerapkan rutin berfikir MTV ini ialah Sekolah Rendah Temasek dan Sekolah Rendah Cantonment. Sekolah Rendah Temasek telah menjalankan sebuah kajian bertajuk Penggunaan Rutin Berfikir dan iMTL untuk Menggalakkan Pembelajaran Kendiri (2016). Dapatan kajiannya menunjukkan penggunaan rutin berfikir sangat berkesan dalam pembelajaran murid-murid sehinggakan telah mendorong murid-murid menjadi lebih berdikari dan meningkatkan motivasi murid terhadap pembelajaran.

Kajian yang dijalankan oleh Sekolah Rendah Cantonment pula melibatkan pengajaran golongan kata yang bertajuk Penggunaan Rutin Berfikir



dalam Pengajaran Golongan Kata (2017). Kajian ini mengetengahkan rutin berfikir nyatakan-sokong-soal yang telah membantu murid membuat penilaian terhadap pemilihan golongan kata yang betul. Rutin ini merangsang murid memberikan alasan pada jawapan yang dipilih.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan rutin berfikir MTV yang diutarakan oleh Ritchhart R., Church M. dan Morrison K (2011). Rutin Berfikir LMLK yang tergolong dalam kelompok rutin untuk mengupas idea lebih mendalam telah digunakan sebagai instrumen kajian.

Bagi mencapai objektif pengajaran kata adjektif, kaedah pengajaran eksplisit yang dikemukakan oleh Rosenshire (1985) juga digunakan agar pengajaran lebih berstruktur dan sistematik. Pengajaran secara eksplisit ini terdiri daripada lima peringkat, iaitu peringkat pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup.

Kajian ini juga menggunakan strategi pembelajaran koperatif dan penilaian formatif. Murid-murid juga berpeluang bekerjasama dalam menyelesaikan tugas dalam kumpulan masing-masing.


Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 4 Bahasa Melayu yang berada dalam pelbagai tahap keupayaan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 60 orang. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid dalam mengenal pasti penggunaan kata adjektif yang tepat dalam ayat.

Instrumen Kajian

Rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning (LMLK) akan digunakan sebagai instrumen kajian. Pemerhatian guru terhadap aktiviti berkumpulan turut diambil kira dalam kajian ini.

Borang refleksi digunakan untuk memantau dan mengenal pasti kelakonan murid. Maklum balas yang dikumpulkan akan digunakan oleh guru



sebagai bahan rujukan untuk mengubah suai rancangan pelajaran demi mencapai objektif pengajaran.

Prosedur Kajian


Kajian ini dilakukan selama dua hari dan mengambil masa lebih kurang dua jam. Terdapat dua pengajaran yang dijalankan dalam kelas. Bagi pelajaran yang pertama, murid dikenalkan dengan kata adjektif sifat, warna dan perasaan. Bagi menjadikan pelajaran ini menyeronokkan, guru menggunakan bahan maujud seperti kain, buku dan pembaris. Murid dikehendaki memikirkan kata adjektif yang bersesuaian berdasarkan benda maujud tersebut. Jawapan murid dicatatkan di dalam log pembelajaran bersama.

Selain itu, alat bantu mengajar iaitu kad yang berbentuk lampu trafik digunakan ketika aktiviti soal jawab dijalankan. Kad yang mengandungi lampu merah akan digunakan untuk mengenal pasti kata adjektif yang digunakan dalam ayat yang salah. Kad berwarna kuning pula, digunakan sekiranya murid tidak pasti sama ada kata adjektif yang digunakan dalam ayat bersesuaian atau tidak. Murid akan menggunakan alat bantu mengajar ini untuk memberikan jawapan mereka.

Seterusnya, bagi pelajaran yang kedua, murid dibimbing mengenal pasti kata adjektif yang tepat dalam ayat dengan menggunakan rutin berfikir LMLK. Untuk pelajaran kedua, murid diajar menggunakan pena penyerlah berwarna merah jambu dan kuning. Pena penyerlah berwarna merah jambu digunakan bagi menandakan penggunaan kata adjektif yang salah dalam ayat. Pena penyerlah berwarna kuning pula digunakan oleh murid jika mereka tidak pasti sama ada kata adjektif yang digunakan dalam ayat sesuai atau tidak. Bagi memastikan murid dapat memahami kata adjektif yang dipelajari mereka dikehendaki berbincang secara berkumpulan dan memberi sebab mengenai pemilihan kata adjektif yang tepat dalam ayat. Berdasarkan penilaian sendiri, analisis dilakukan bagi melihat keberkesanan pengajaran kata adjektif ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan berdasarkan pemerhatian guru dan respons murid, murid berasa seronok mempelajari kata adjektif dengan menggunakan rutin berfikir LMLK.



Setelah guru menjalankan aktiviti modeling, murid dapat meneliti kata adjektif yang digunakan dalam ayat dan kemudian mengenal pasti jika penggunaan kata adjektif itu tepat atau salah. Murid-murid juga lebih yakin dan berupaya memberikan kata adjektif yang tepat bagi menggantikan kata adjektif yang salah dalam ayat.

Contoh latihan:


1. Johan gembira kerana mendapat gred B dalam peperiksaan. (☺)
2. Ibu memarahi Johan kerana dia makan dengan kuat. (lampu merah/ gelojoh)
3. Masakan lauk ketam Ibu sangat seronok. (lampu merah/lazat)
4. Tempat tinggal Fira bersih kerana dikemas setiap hari. (☺)
5. Akif duduk di bawah pokok yang rendang itu. (lampu kuning/rendah)
6. Adi tidak dapat mengangkat meja yang ringan itu. (lampu merah/berat)
7. Harga komputer berjenama itu murah. (lampu merah/mahal)
8. Nadia berjalan perlahan-lahan ke sekolah. (☺)

Nota: ☺ jawapan yang betul

Bagi aktiviti dua pula, murid yang berada dalam tahap keupayaan melebihi aras kebolehan dapat memberi penjelasan mengenai kata adjektif yang digunakan dalam ayat. Bagi ayat yang mengandungi kata adjektif yang salah, murid telah berbincang dalam kumpulan dan berupaya memberikan kata adjektif yang tepat bagi menggantikan kata adjektif yang salah Rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Penggunaan Kata Adjektif dalam Ayat

Ayat	Warna/Kata Adjektif Yang Tepat	Sebab
Kelas ini <u>sempit</u> dan boleh memuatkan 50 buah meja.	Merah/besar	50 buah meja adalah jumlah yang sangat banyak. Oleh itu, kata adjektif sempit tidak tepat.
Nadia <u>ghairah</u> kerana dapat menyelesaikan tugas karangannya.	Kuning	Tidak pasti kata adjektif ghairah tidak sesuai untuk menunjukkan perasaan seseorang yang telah berjaya melakukan sesuatu.



Saya suka suara Siti Nurhaliza yang <u>sedap</u> itu.	Merah/Merdu	Kata adjektif sedap selalunya digunakan untuk makanan dan bukan suara.
Ayah menyuruh Sofia mengemas biliknya yang <u>semak</u> itu.	Kuning	Tidak pasti. Adakah semak juga bermaksud berselerak. Kata adjektif semak merujuk kawasan yang semak dengan pokok kecil, lalang
Saya tidak habis membaca buku yang <u>berat</u> itu.	Merah/tebal	Kata adjektif berat untuk buku tidak tepat kerana berat digunakan untuk ukuran sesuatu benda.
Ibu menambah sedikit garam ke dalam lauk kari yang <u>tawar</u> itu.	tawar	Kata adjektif tawar betul penggunaannya. Perkataan garam menunjukkan lauk itu kurang rasa.
Suraya <u>gembira</u> kerana lulus peperiksaannya.	gembira	Kata adjektif gembira betul kerana menunjukkan perasaan yang sesuai apabila Suraya lulus dalam peperiksaannya.
Adik menangis kerana <u>kecewa</u> menonton filem seram itu.	takut	Kata adjektif kecewa tidak tepat untuk menunjukkan reaksi adik yang menangis ketika menonton filem seram. Selalunya orang akan berasa takut apabila menonton filem seram.
Harga kasut saya lebih <u>comel</u> daripada kasutnya yang mahal itu.	murah	Oleh sebab ada perkataan mahal, kata adjektif murah lebih tepat.

Bagi aktiviti sendiri, murid-murid telah diberikan lembaran kerja untuk melengkapkan teks. Murid-murid diberikan enam pilihan kata adjektif. Berdasarkan keenam-enam kata adjektif yang diberikan, murid perlu memilih lima kata adjektif yang tepat untuk mengisi tempat kosong yang disediakan. Murid perlu menandakan dengan pena penyerlah berwarna merah dan kuning.



Contoh ayat yang terdapat dalam lembaran kerja adalah seperti berikut: Tempat itu sangat (1) besar dan ada ramai pengunjung di sana. Azman berasa (2) ghairah kerana itulah kali pertama dia dibawa ke sana. Ada ikan jerung yang bergigi (3) tajam, ada ikan lumba-lumba yang (4) comel, (5) cerdik, dan ada juga kuda laut yang berekor (5) panjang.

Dapatan kajian ini menunjukkan lebih daripada 50% murid berjaya melengkapkan teks dengan kata adjektif yang tepat.


Berdasarkan pemantauan guru dan respons terbuka murid, dapat disimpulkan bahawa murid-murid mudah mengikuti pembelajaran kata adjektif menggunakan rutin berfikir LMLK. Penggunaan alat bantu mengajar seperti kad lampu trafik dan bahan maujud telah dapat merangsang keseronokan belajar dalam kalangan murid. Selain itu, nilai-nilai positif seperti bekerjasama juga dapat dilihat ketika murid membuat tugas secara berkumpulan.

Berdasarkan refleksi murid, guru berupaya menilai keberkesanan rutin berfikir LMLK dalam pengajaran kata adjektif. Dapatan menunjukkan 95% murid mengatakan mereka memahami rutin berfikir LMLK dengan baik, 86.6% murid dapat mengenal pasti kata adjektif yang terdapat dalam ayat dan 95% murid dapat memberikan contoh-contoh kata adjektif.

Jadual 2: Respons Murid

	Sangat Boleh %	Boleh %	Hampir Boleh %	Masih Mencuba %
Saya boleh ...				
1. memahami rutin berfikir Lampu Merah Lampu Kuning dengan baik	70.0 (42)	25.0 (15)	5.0 (3)	0
2. mengenal pasti kata adjektif yang terdapat dalam ayat	41.6 (25)	45.0 (27)	13.4 (8)	0
3. memberikan contoh-contoh kata adjektif	83.4 (50)	11.6 (7)	5.0 (3)	0

Nota: Angka dalam kurungan ialah jumlah murid.



Dapatan ini menunjukkan guru dapat menggalakkan murid berfikir dengan lebih kritikal ketika memilih kata adjektif yang tepat dalam ayat dengan menggunakan rutin berfikir LMLK. Guru juga dapat meningkatkan keyakinan murid yang berada pada aras kebolehan.

KESIMPULAN

Rutin berfikir yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mampu memberikan keberkesanan dalam menjana pemikiran murid secara kritikal dan sistematik. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa rutin berfikir yang digunakan dapat membantu murid dalam proses pembelajaran menggunakan kata adjektif dengan tepat.


Penggunaan kata adjektif yang tepat dapat membantu murid untuk menggam barkan sesebuah situasi atau perasaan dengan lebih jelas. Tahap Modeling dalam pengajaran secara eksplisit juga membuat konsep yang diajar menjadi lebih jelas dan berstruktur. Justeru, guru perlu memainkan peranan yang aktif sebagai fasilitator ketika sesi perbincangan dan soal jawab agar dapat menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam dalam kalangan murid-murid dan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan di dalam bilik darjah.

RUJUKAN

Abdullah Hassan & Ainon Mohd., (1994) *Tatabahasa dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd..

Nik Safiah Karim, Farid M Onn, Hashim Hj Musa, Abdul Hamid Mahmood, (2011). *Tatabahasa dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Ain Mohamed Amin dan Sadhana Yusop, (2016). Penggunaan rutin berfikir dan iMTL untuk menggalakkan pembelajaran sendiri dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menjana Inovasi Memarak Inspirasi, hlm. 429-440. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.



Nurhiza Mohamed dan Nurul Hidana Ahmad (2017). Penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran golongan kata, dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu, Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna, hlm. 483-493. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Ritchhart R., Church M. & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Ron Ritchhart (2015). *Creating Cultures of Thinking*. USA:Wiley Imprint.

Rosenshine, B. (1985). Direct instruction. In T. Husén & T. N. Postlethwaite (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (Vols. 1-10, Vol. 3). Oxford: Pergamon Press.

Za'aba 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

